

Zaleha bersedia dilantik ahli Exco Wanita Malaysia

Oleh SABARIAH ABDULLAH



DATIN PADUKA ZALEHA ISMAIL

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

KUALA LUMPUR, Selasa — Datin Paduka Zaleha Ismail hari ini menyatakan kesediaannya menerima sekiranya dilantik menjadi ahli Exco Pergerakan Wanita UMNO Malaysia.

Katanya, beliau sentiasa bersedia berkhidmat untuk kebaikan parti.

Beliau memberitahu *Berita Harian* beliau menghormati Datin Paduka Hajjah Aishah Ghani sebagai Ketua Pergerakan Wanita UMNO Malaysia dan sama ada dilantik atau tidak, taat setianya tidak berubah.

Datin Paduka Zaleha, ahli Parlimen Tanjung Sarang gagal dalam perandingan tiga penjurutuk merebut jawatan ketua Pergerakan itu dalam Perhimpunan Agung UMNO ke-31 baru-baru ini.

Turut tewas ialah Puan Marina Yusoff ahli Majlis Tertinggi UMNO Malaysia dan Datin Paduka Hajjah Aishah berjaya mengekalkan jawatan tersebut.

Datin Paduka Zaleha Ismail, Ketua Pergerakan Wanita UMNO Kelantan memberitahu, beliau juga sedang menyelesaikan aktiviti tahunan.

mengadakan pertandingan marhaban, berzanji dan lainnya akan berjalan mengikut jadual.

Perlantikan ahli Exco tambahan seramai lima orang akan diumumkan selepas mesyuarat pertama pergerakan itu pada 7 Oktober ini.

Baru-baru ini, Datin Paduka Hajjah Aishah Ghani memberitahu satu sidang akhbar beliau akan melantik dua orang, satu masing-masing dari Pahang dan Kedah untuk menduduki jawatan ahli Exco tambahan ini.

Jumlah ahli Exco, yang ada sekarang 10 orang, dipilih dalam Perhimpunan Agung Wanita UMNO baru-baru ini.